

CNS3286

R CB 23-08 00153 BH242

BAH

Mahathir - Soviet

I

KUALA LUMPUR. 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin bahawa Presiden Mikhail Gorbachev dapat memimpin Soviet Union ke arah masa depan yang lebih cerah dan makmur walaupun menghadapi pelbagai cabaran.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa dasar-dasar antarabangsa yang diteruskan oleh Presiden Gorbachev membantu meningkatkan era baru keamanan dan kerjasama antarabangsa, demikian menurut kenyataan Wisma Putra hari ini.

Menurut kenyataan itu, terdahulu itu, Duta Soviet Union ke Malaysia, Encik A.I. Khmelnitski, telah mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir di pejabatnya untuk menjelaskan mengenai perkembangan terbaru keadaan di Soviet Union.

Perdana Menteri juga menyerahkan sepucuk surat untuk Presiden Gorbachev kepada duta berkenaan, yang menyatakan kesyukuran beliau atas keselamatan presiden itu serta telah kembali bertugas.

Bagi pihak rakvat Malavsia, Datuk Seri Dr Mahathir berharap Presiden dan rakvat Soviet Union mencapai kejayaan, kestabilan dan kemajuan. --
Bernama

▼23/08/23-25MST